



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1 WILAYAH PERSEKUTUAN MELAHIRKAN SEMANGAT KERJASAMA DI KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 7 Februari 2014 – Kementerian Wilayah Persekutuan akan menganjurkan Kenduri 1Wilayah Persekutuan bermula pada 8 hingga 23 Februari 2014 di 13 kawasan parlimen (rujuk Lampiran). Majlis kenduri ini akan dihadiri oleh seluruh warga Wilayah Persekutuan dan turut disertai oleh YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dan isteri, YBhg. Datin Seri Anggraini Sentiayki.

2. Kenduri 1 Wilayah Persekutuan seperti ini telah mula dianjurkan sejak tahun 2013 bersempena dengan Hari Wilayah Persekutuan yang diadakan secara serentak di 13 parlimen. Pada tahun ini pula sedikit kelainan dibuat di mana Kenduri 1 Wilayah diadakan secara bergilir-gilir bagi 13 parlimen pada setiap hujung minggu dalam bulan Februari. Objektif utama penganjuran kenduri ini adalah sebagai usaha meningkatkan perpaduan dan semangat kerjasama di kalangan rakyat Malaysia khususnya warga Wilayah Persekutuan yang bersama-sama melaksanakan aktiviti gotong-royong.
3. Bersempena dengan tema Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini iaitu "**Wilayah Persekutuan Ceria**" (*Cheerful Federal Territories*), semua warga Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahinan Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang dikelolakan secara bersama di kalangan ahli jawatankuasa perumahan yang terlibat di kesemua parlimen di Wilayah Persekutuan. Aktiviti kenduri yang diadakan pada setiap hujung minggu dalam bulan Februari ini sememangnya dapat memeriahkan dan menceriakan lagi Wilayah Persekutuan dan warganya di mana mereka berpeluang menyertai program kemasyarakatan bagi memenuhi masa lapang hujung minggu.
4. Diharapkan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan ini akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan dalam usaha memupuk semangat perpaduan dan kerjasama selaras dengan tema Hari Wilayah Persekutuan 2014 iaitu Wilayah Persekutuan Ceria.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA

7 Februari 2014

JADUAL KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2014

BIL.	PARLIMEN	TARIKH	LOKASI
KUALA LUMPUR			
1.	Cheras	8 Feb – Sabtu (8.30 pagi)	Taman Miharja Fasa 2, Cheras
2.	Bandar Tun Razak	8 Feb – Sabtu (3.30 ptg)	Taman Herba, Raya Permai, Sungai Besi
3.	Titiwangsa	9 Feb – Ahad (8.00 pagi)	Dewan Komuniti Bestari Wirawati 6, Titiwangsa
4.	Setiawangsa	9 Feb – Ahad (8.00 pagi)	PPR Seri Semarak, Setiawangsa
5.	Wangsa Maju	9 Feb – Ahad (3.30 ptg)	PPR Gombak Setia, Wangsa Maju
6.	Seputeh	22 Feb – Sabtu (ptg)	Taman Salak Jaya
7.	Lembah Pantai	22 Feb – Sabtu (ptg)	Perumahan Desa Aman
8.	Segambut	23 Feb – Ahad (pagi)	Taman SPPK
9.	Kepong	23 Feb – Ahad (pagi)	Taman Metropolitan Kepong
10.	Bukit Bintang	23 Feb – Ahad (ptg)	Sek. Keb. Lelaki Jalan Batu
11.	Batu	23 Feb – Ahad (ptg)	Pusat Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul
PUTRAJAYA			
12.	Putrajaya	22 Feb – Sabtu (pagi)	Padang Kompleks Kejiranan Presint 18, Putrajaya
LABUAN			
13.	Labuan	22 Feb – Sabtu (8.00 pagi)	Dewan Arena, Kampung Bukit Kuda, Labuan